

# Perlu bijak bahagi masa

Atlet negara lanjut pengajian ke universiti tekad sesuaikan diri antara pelajaran dan latihan

FOTO | Nur Adibah Ahmad Izam

>>Oleh Aniza Zainudin

anizazainudin@hmetro.com.my

**S**ERDANG: "Pembahagian masa secara bijak antara latihan memanah dan menghadiri kuliah adalah langkah utama perlu saya lakukan sebaik saja berdaftar sebagai mahasiswa," kata pemanah negara, Arif Farhan Ibrahim Putra, 21.

Arif Farhan antara 4,258 pelajar baru Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi sesi akademik 2012/2013 yang mendaftarkan diri, kelmarin.

Pernah merangkul pingat perak dalam Sukan Komanwel di New Delhi, India pada 2010, Arif Farhan mengakui seperti atlet kebangsaan lain, dia perlu menjalani latihan memanah sekurang-kurangnya empat jam setiap hari di Kompleks Sukan Bukit Jalil.

Berikutan itu, penyusunan jadual secara efektif antara langkah terbaik dalam me-



**JUMPA...**Timbalan Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan (kiri) bersalaman bersama Arif pada hari pendaftaran pelajar baru UPM.

ngecapi kejayaan dalam bidang sukan dan pelajaran bagi pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia ini.

"Saya memilih bidang sumber manusia selepas meneliti dan mengkaji peluang kerjaya pada masa depan. Setiap syarikat mahupun agensi memi-

liki jabatan sumber manusia, jadi peluang mendapat pekerjaan terbentang luas sekiranya kita berusaha," katanya dalam persiapan ke Kazakhstan,

**"Saya memilih bidang sumber manusia kerana setiap syarikat memiliki jabatan sumber manusia, jadi peluang mendapat pekerjaan terbentang luas"**

>Arif Farhan Ibrahim Putra

angnya dapat membuktikan kemampuan ahli sukan dalam dua bidang berasingan.

Tanpa ditemani keluarga, pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani ini menjadikan atlet senior yang berjaya sebagai pendorong malah menanam hasrat menamatkan pengajian dalam tempoh tiga tahun meskipun sibuk mewakili negara.

Seperti Arif Farhan, anak kelahiran Parit Buntar, Perak ini mengakui pembahagian masa sebagai pelajar dan atlet sewajarnya mampu mengimbangi kedua-dua tanggungjawab digalasnya.

Mula bermain hoki seawal usia sembilan tahun dan menyertai pasukan kebangsaan sejak 2008, Norhidayah berkata, kejayaan melanjutkan pelajaran ke menara gading dapat membakar semangat anak luar bandar sepertinya supaya gigih dalam mengejar kejayaan.

penghujung bulan ini bagi Asian Grand Prix.

Sementara itu, atlet skuad hoki wanita kebangsaan, Norhidayah Ahmad Bokhari, 22 berkata, selain berjaya memenuhi harapan keluarga, gelaran mahasiswi disan-